



JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK
(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)
TINGKAT 9, 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA, 93502 KUCHING
SARAWAK

Talian Am: 082-441957
No. Faks: 082-445637
Laman Web: <http://www.shru.sarawak.gov.my>



SURAT PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 5 TAHUN 2016

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

KEPADA: Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Setiausaha Majlis Bandaraya / Perbandaran / Daerah

PERKARA: Dasar Baru Jam Latihan Setahun Bagi Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

SALINAN KEPADA: -

RUJ. KAMI: (20) JKM/UPSM/S7/500-2/12 JLD.1

TARIKH 30 Mac 2016

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai pemakluman berkenaan dasar baru jam latihan setahun bagi Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

2. PELAKSANAAN DASAR BARU JAM LATIHAN SETAHUN

2.1 Setiap Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian melalui program latihan yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

2.2 Oleh yang demikian pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan dasar baru jam latihan setahun bagi Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak mengikut kategori pegawai seperti perincian berikut:-

Bil.	Kategori (Gred Jawatan)	Jumlah Jam Latihan Setahun
i.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 ke atas	42 jam
ii.	Kumpulan Pelaksana (Gred 27 – 40)	36 jam
iii.	Kumpulan Pelaksana (Gred 1-26)	24 jam

" Together We Drive The Workforce In The Civil Service To Be World Class "

BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

No. Telefon: 082-446415
No. Faks: 082-443970

BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT

Seksyen Pengambilan
No. Telefon: 082-319946
No. Faks: 082-311478
Seksyen Pembangunan Kerjaya
No. Telefon: 082-446355
No. Faks: 082-311473
Seksyen Kemudahan & Anugerah
No. Telefon: 082-312548
No. Faks: 082-445618
Seksyen Latihan
No. Telefon: 082-313951
No. Faks: 082-312997

BAHAGIAN POLISI & KOMUNIKASI SUMBER MANUSIA

Seksyen Pengurusan Maklumat
No. Telefon: 082-449237
No. Faks: 082-449490
Seksyen Komunikasi Sumber Manusia
No. Telefon: 082-448240
No. Faks: 082-440033
Seksyen Transformasi & Inovasi
No. Telefon: 082-312557
No. Faks: 082-440033

BAHAGIAN SOKONGAN PEKERJA

Seksyen Perkhidmatan Sokongan Pekerja
No. Telefon: 082-319941
No. Faks: 082-312923
Seksyen Integriti
No. Telefon: 082-443502
No. Faks: 082-312923

3. JENIS LATIHAN

Jenis latihan yang boleh diambilkira untuk pengiraan jumlah jam latihan setahun bagi Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Latihan	Pengiraan Jam
i.	Kursus, Seminar, Konvensyen, Bengkel, Forum	Mengikut jumlah jam pembelajaran yang terkumpul
ii.	Lab, KIK, KFA, <i>SCS Scorecard</i> dan Sesi Perancangan Strategik	
iii.	Latihan Badan Beruniform- Rujuk <i>G.O. Thirteen Schedule Table I</i>	
iv.	<i>Executive Talk</i> / Ceramah	
v.	Sesi Perkongsian Ilmu (<i>Mentoring, Debriefing, knowledge Sharing</i>)	
vi.	Lawatan Belajar	
vii.	Sesi Dialog	
viii.	<i>Policy Speeches</i>	
ix.	<i>E-Learning</i>	
x.	<i>Toastmaster Training</i>	
xi.	Lain-lain latihan yang diluluskan dari semasa ke semasa	

4. PENGISIAN REKOD LATIHAN

4.1 Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri

Semua Penjawat yang telah mengikuti latihan adalah diwajibkan untuk mengemaskini rekod latihan ke dalam Sistem GEMS (*Government Employee Management System*) yang boleh dilayari di laman sesawang <http://scs-gems.sarawak.gov.my/initLoginESS>.

Dengan ini, pengemaskinian rekod latihan dalam Buku Log Latihan adalah dimansuhkan dengan serta merta. Penjawat hendaklah memindahkan rekod latihan dari buku Log Latihan sedia ada ke sistem GEMS.

4.2 Penjawat Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan

Bagi Penjawat di Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, pengisian buku Log Latihan sedia ada adalah dikekalkan.

5. PEMAKAIAN

Pelaksanaan pekeliling ini meliputi semua Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bertaraf Tetap dan Berpencen, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) dan Kontrak Jangka Panjang di semua Jabatan dan Kementerian serta dipanjangkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

6. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.

7. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pelaksanaan Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling (Perj. Bil.6/2013) bertarikh 1 Ogos 2013 dan Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 13 Tahun 2015 bertarikh 26 Ogos 2015 adalah dibatalkan.

8. MAKLUMAT LANJUT

Sebarang kemusykilan, maklumbalas dan keterangan lanjut, boleh berhubung dengan pihak Seksyen Latihan, Unit Sumber Manusia Negeri, Tingkat 10, Wisma Bapa Malaysia, 93502 Petra Jaya, Kuching.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak